Brunei telah diperintah oleh seorang pemerintah Islam dikenali sebagai Ma-ha-mo-sha atau Sultan Muhammad Shah yang juga dikenali sebagai nama Awang Alak Betatar sebelum memeluk agama Islam. Sebagai sebuah wilayah yang ditadbir oleh Kerajaan Islam, pemerintah Brunei seterusnya dikenali sebagai sultan.

Ibu kota Negara Brunei Darussalam ialah Bandar Seri Begawan dengan keluasan 100.36 kilometer persegi. Jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam ialah 406,200 orang (anggaran 2009) dengan 57 peratus berusia 20 hingga 54 tahun. Majoriti penduduk adalah bangsa Melayu iaitu dianggarkan sebanyak 269,400 orang, diikuti bangsa Cina dengan 44,600 orang dan 92,200 orang terdiri daripada bangsa lain.

Setiap daerah terdiri daripada beberapa buah mukim (sebuah mukim terdiri daripada beberapa buah kampung) yang ditadbir oleh Pejabat Daerah di bawah pengawasan Pegawai Daerah. Besar keseluruhan keluasan Negara Brunei Darussalam ialah 5,765 km. persegi.

Daerah Belait

Latar Belakang

Belait merupakan daerah yang terletak di bahagian selatan Negara Brunei Darussalam, bersempadan Laut China Selatan di sebelah utaranya, Daerah Tutong di bahagian timur dan di bahagian selatan dan barat pula menghadap ke Sarawak, Malaysia.

Dengan keluasan kira-kira 2,727 km. persegi, Belait merupakan sebuah daerah yang terbesar tetapi mempunyai penduduk yang paling sedikit jika dibandingkan dengan daerah-daerah lain iaitu dengan keramaian 67,100 orang (2009).

Penduduknya terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan puak lain seperti Murut, Dusun dan lainnya.

Kebanyakan penduduknya menetap di Kuala Belait dan Seria. Daerah Belait terdiri daripada lapan mukim iaitu:

Mukim Bukit Sawat

- Kampung Bisut
- Kampung Bukit Kandol
- Kampung Bukit Sawat
- Kampung Merangking
- Kampung Merangking Hilir
- Kampung Merangking Ulu
- Kampung Pangkalan Siong
- Kampung Pulau Api
- Kampung Sungai Mau
- Kampung Tarap

Mukim Kuala Balai

- Kampung Kuala Balai
- Kampung Kajitan
- Kampung Lubuk Lanyap
- Kampung Lubuk Tapang
- Kampung Pangalayan

- Kampung Penyarap
- Kampung Sungai Damit
- Kampung Sungai Lutong
- Kampung Sungai Mendaram
- Kampung Tanjong Ranggas
- Kampung Tanjong Sudai
- Kampung Tugong

Mukim Kuala Belait

- Kampung Pandan A
- Kampung Pandan B
- Kampung Pandan C
- Kampung Mumong A
- Kampung Mumong B
- Kampung Sungai Melilit
- Kampung Sungai Teraban
- Pekan Kuala Belait

Mukim Labi

- Kampung Bukit Puan
- Kampung Gatas
- Kampung Kenapol
- Kampung Labi
- Kampung Labi Lama
- Kampung Mendaram Kecil
- Kampung Rempayoh
- Kampung Ratan
- Kampung Simpang Tiga
- Kampung Sungai Petai
- Kampung Tanajor
- Kampung Tapang Lupak
- Kampung Teraja
- Kampung Terawan
- Kampung Terunan

Mukim Liang

- Hutan Simpan Andalau
- Kampung Agis-Agis
- Kampung Keluyoh
- Kampung Lilas
- Kampung Lumut
- Kampung Lumut Tersusun
- Kampung Perumpong
- Kampung Sungai Bakong
- Kampung Sungai Gana
- Kampung Sungai Kang

- Kampung Sungai Kuru
- Kampung Sungai Lalit
- Kampung Sungai Liang
- Kampung Sungai Tali
- Kampung Sungai Taring
- Kampung Tunggulian
- Perkhemahan Lumut
- Perumahan Negara Lumut Kawasan 1
- Perumahan Negara Lumut Kawasan 2
- Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lumut

Mukim Melilas

- Kampung Melilas
- Kampung Bang Garang
- Kampung Bukit Tuding

Mukim Seria

- Badas
- Kampung Anduki
- Kampung Lorong Tiga Seria
- Kampung Penaga
- Kampung Sungai Bera
- PEKAN SERIA Kawasan I
- PEKAN SERIA Kawasan II
- Perumahan Negara Lorong Tengah Seria

Mukim Liang

- Kampung Sungai Liang
- Kampung Lumut Satu
- Kampung Lumut Dua

Mukim Sukang

- Kampung Apak-Apak
- Kampung Sungai Hilir
- Kampung Sukang
- Kampung Dungun
- Kampung Kukub





Industri-industri Utama

Daerah Belait adalah sebuah daerah yang amat penting di Negara Brunei Darussalam kerana di daerah inilah minyak dan gas asli ditemui. Minyak mula ditemui pada tahun 1929, dan penghasilan perdagangan bermula dalam tahun 1932. Industri minyak dan gas sumber hasil utama negara dan loji pengeluar gas cecair asli yang terbesar di dunia telah ditubuhkan di Lumut. Industri minyak adalah perkongsian di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan *Royal Dutch Shell Group*. Dalam industri gas asli, perkongsian telah dikendalikan oleh Kerajaan, *Royal Dutch Shell Group* dan Syarikat Mitsubishi.

Industri lain yang semakin meningkat di daerah ini ialah Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK) yang ditubuhkan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) di Sungai Liang. Kawasan 271 hektar ini sangat sesuai dijadikan pusat pengembangan petrokimia bertaraf dunia.

Pelaburan utama pertama di SPARK adalah loji methanol US\$450 juta yang dikendalikan oleh Syarikat Methanol Brunei (BMC). Di samping methanol, BEBD sedang menimbaangkan beberapa cadangan daripada pelabur luar negara bagi projek petrokimia lain dalam SPARK.

Tempat-tempat Menarik

Tugu Billionth Barrel telah dibangunkan oleh Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. bagi memperingati penghasilan yang ke satu bilion tong minyak oleh pelantar minyak Seria.

Oil and Gas Discovery Centre (OGDC) telah dibina oleh Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. bertujuan untuk mendidik orang awam tentang sains, teknologi dan alam sekitar.

Nodding Donkey dari telaga minyak adalah pemandangan biasa di daerah ini memandangkan Seria terkenal sebagai bandar minyak di daerah ini.

Kuala Balai terletak kira-kira 45 minit perjalanan daripada Kuala Belait, di mana pelawat akan dapat mengimbau kembali sejarah lama. Kuala Balai diliputi oleh hutan di tebing Sungai Belait, yang mana suatu ketika dulu kebanyakannya penduduk membina rumah di tebingnya. Ia juga merupakan salah satu kawasan terawal menghasilkan sago.

Wasai Wong Kadir adalah tempat yang sesuai bagi aktiviti merentas hutan yang mempunyai satu laluan naik dan turun berbatas curam. Ia mempunyai pemandangan air terjun yang cantik dan menjadi tempat menarik yang sering dikunjungi di daerah ini.

Taman Persiaran Luagan Lalak ialah sebuah taman popular dan terletak kira-kira 25 kilometer daripada Sungai Liang. Ianya mempunyai keluasan lebih kurang 270 hektar terletak di



dalam Hutan Simpanan Bukit Labi. Bercirikan paya aluvium air tawar apabila musim hujan, apabila air pasang ianya seperti sebuah tasik dan apabila musim kering, lembah tersebut akan diliputi sejenis rumput daripada spesies Lepironia. Terdapat juga tempat berteduh dengan laluan pejalan kaki dan laluan tangga kayu sepanjang kira-kira 200 meter.

Taman Persiaran Jubli Anduki dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1992. Taman ini mempunyai kemudahan yang lengkap untuk orang ramai. Juga terdapat sebuah lagun air biru dengan laluan pejalan kaki kira-kira 3.8 kilometer.

Pantai Lumut sesuai untuk pengunjung bersiar-siar. Pondok dan tempat berteduh juga dibina di sini bagi membolehkan pengunjung untuk berahat.

Hutan Simpanan Sungai Liang mempunyai keluasan seluas 14 hektar dan sebahagian besarnya adalah hutan tanah rendah yang tidak tercemar, ianya dibuka secara rasminya pada bulan Mac 1989 bersempena Hari Perhutanan Sedunia. Antara tarikan yang terdapat di sini ialah tasik kecil, kolam renang, pondok kecil yang dilengkapi meja dan tempat duduk, kolam, pelantar dan kawasan terbuka yang sesuai untuk tempat permainan.

Taman Jubli Perak terletak di Jalan Maulana menghadap Laut China

Selatan. Dengan kawasan seluas 12,679 hektar, taman ini dibina sempena memperingati Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta.

Bukit Teraja merupakan sebuah bukit yang tertinggi di Labi. Pengunjung akan dapat menikmati pemandangan indah terusan Baram dan Gunung Mulu yang terkenal di Sarawak. Laluan ke puncak bukit ditanda dan diselenggarakan dengan baik.

Gerai Tudung Saji terletak di Daerah Belait, tamu ini menjalankan perniagaannya setiap hari. Sementara perniagaan sayur segar, buah-buahan dan barang keperluan harian akan dibuka pada setiap hujung minggu.

Rumah Panjang juga terdapat di Daerah Belait selain di Daerah Temburong di mana kita dapat melihat tempat kediaman etnik Iban. Antara rumah panjang yang terdapat di daerah ini ialah Rumah Panjang Rampayoh, Rumah Panjang Mendaram Besar, Rumah Panjang Mendaram Kecil dan Rumah Panjang Teraja.

Ketibaan/Berlepas

Daerah ini dihubungi melalui lebuh raya Seria/Lumut hingga Muara - Tutong dan melalui Jambatan Rasau ke Sungai Tujuh dan Miri; Sarawak, Malaysia di bahagian barat.

Kemudahan Penginapan

Terdapat beberapa kemudahan penginapan di Daerah Belait di antaranya ialah:

Rumah Persinggahan Kerajaan
Hotel Kooperasi Seria
Plaza Sutera Biru
Hotel Riviera
Hotel Sea View
Hotel Sentosa
Hotel Apartment Swiss

Membeli-belah

Daerah Belait mempunyai deretan kedai yang menjual pelbagai barang daripada kraf tangan, pakaian dan keperluan harian.

Kemudahan Asas

Air

Bekalan air, sektor pembetungan dan saliran memainkan peranan penting dalam pembangunan sosio-ekonomi Brunei Darussalam. Ianya merupakan penyumbang ke arah peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan orang ramai dan mencipta persekitaran yang sihat dan bersih.

Bekalan paip air mula disalurkan ke seluruh negara dalam tahun 1970-an. Pada awal tahun 1980-an, kerajaan telah merumuskan Pelan Induk yang bertujuan bagi menangani permintaan air bersih yang semakin meningkat disebabkan oleh pertumbuhan penduduk dan aktiviti-aktiviti pembangunan.



Pada penghujung Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8, 99.9 peratus penduduk telah menerima bekalan air bersih berbanding dengan 99.7 peratus pada RKN Ke-7. Bekalan air disalurkan melalui empat sistem bekalan air utama iaitu sistem air Brunei-Muara dan Tutong; sistem air Pantai Belait; sistem air Pendalaman Belait (Labi) dan sistem air Temburong.

Penduduk Daerah Belait menerima bekalan air bersih dari Sungai Badas yang kemudian melalui Loji Rawatan Air Labi dan Loji Rawatan Air Seria.

Melalui RKN 2007 - 2012, tumpuan sektor air adalah: (i) memastikan sumber air itu bertambah dan boleh didapati walaupun semasa musim kemarau; (ii) meningkatkan keupayaan rawatan air bagi memenuhi permintaan dalam 20 peratus; (iii) mengurangkan pembaziran air dan meningkatkan kualiti air.

Sebagai sebahagian dari usaha untuk meningkatkan sumber air dan memastikan air tersebut akan mencukupi semasa musim kemarau, peningkatan dan pembinaan empangan di Ulu Tutong dan Kargo di Sungai Belait bermula pada penghujung RKN Ke-8. Kedua-dua empangan ini mampu menyimpan sebanyak 89 juta meter padu air mentah.

Untuk memenuhi peningkatan keperluan bekalan air bersih yang dijangkakan akan meningkat sehingga 427.9 juta liter sehari dalam tahun 2010, loji rawatan air baru akan dibina dan loji yang sedia ada akan dipertingkatkan termasuklah dengan pembinaan Loji Rawatan Air Sungai Liang.

Dalam RKN 2007-2012, beberapa

projek akan dilaksanakan. Antaranya termasuklah projek menggantikan pam air mentah utama yang membekalkan daripada Sungai Badas hingga ke Loji Rawatan Air Seria; dan bekalan dan pembahagian rangkaian paip dari Loji Rawatan Air Seria hingga ke Kuala Belait.

Elektrik

Agensi utama kerajaan terlibat dalam sektor ini ialah Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE). JPE bertanggungjawab dalam penjanaan, penghantaran dan pembahagian daripada stesen-stesen janakuasa, selebihnya datang dari kawasan bandar iaitu daripada Syarikat Pengurusan Janakuasa Berakas (BPMC) yang mempunyai stesen janakuasanya sendiri.

Rangkaian bebas di Brunei Darussalam terbahagi kepada tiga, dengan rangkaian operasi JPE pertama meliputi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Belait - rangkaian kedua, meliputi Daerah Temburong dan rangkaian ketiga meliputi Gadong 3, Jerudong dan Berakas.

Keperluan tenaga elektrik dijangkakan akan semakin meningkat dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007 - 2012.

Untuk memenuhi keperluan bekalan tenaga elektrik yang semakin meningkat kerajaan telah membina Stesen Janakuasa Seria untuk Daerah Belait.

Untuk meningkatkan bekalan kuasa, kerajaan dengan Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. telah membina Loji Co-Generational bertempat di

Lumut. Loji ini mula beroperasi pada 25 Februari 1987.

Lebih banyak kerja pembaikan akan diteruskan untuk memenuhi keperluan yang dijangkakan akan bertambah. Antara projek yang akan dilaksanakan ialah pembaharuan dan penambahan kuasa kepada stesen janakuasa yang ada di Lumut dan Daerah Belait dan Gadong di Daerah Brunei-Muara.

Lebih banyak bekalan kuasa juga dijangkakan dengan pembinaan Tapak Perindustrian Sungai Liang (SPARK) di Daerah Belait.

Bekalan tenaga elektrik juga akan dipertingkatkan ke Kuala Belait dan Labi untuk perlaksanaan sepenuhnya projek penghantaran. Sementara lebih lima buah tiang lampu juga akan di-pasang melalui RKN 2007-2012.

Di bawah RKN 2007-2012, pelbagai projek akan dilaksanakan bagi mempertingkatkan bekalan kuasa di Daerah Belait. Sebahagian daripada projek tersebut termasuklah peningkatan pembekalan sistem rangkaian 11kV dan 415V bagi kawasan Mukim Sungai Liang dan bagi Jalan Maulana, Jalan Mumong, Jalan Kuala Balai, Jalan Sungai Mumong, Jalan Tengah, Jalan Pandan 1-8 yang kesemuanya berpangkalan di Daerah Belait.

Perubatan dan Kesihatan

Untuk memastikan semua lapisan rakyat menerima rawatan kesihatan yang sempurna, lebih banyak pusat kesihatan telah dibangunkan dan kerajaan menyediakan rawatan

kesihatan secara percuma kepada semua warganegaranya.

Di Daerah Belait, Hospital Suri Seri Begawan merupakan hospital utama yang menempatkan 183 buah katil. Didirikan pada tahun 1972, merupakan hospital kedua terbesar di negara ini. Dilengkapi dengan peralatan perubatan dan kesihatan yang moden, ia memberikan kemudahan kepada para penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan yang canggih dan piawaian kesihatan yang lebih tinggi.

Antara perkhidmatan kepakaran yang disediakan ialah perubatan internal; pembedahan umum (*general surgery*); pediatrik (*paediatrics*); obstetrik (*obstetrics*) dan ginekologi (*gynaecology*); oftalmologi (*ophthalmology*); pembedahan mulut (*oral*) dan *Maxillo-facial*; psikiatri (*psychiatry*); dermologi (*dermatology*); unit rawatan intensif dan banyak lagi.

Sebagai tambahan, terdapat tiga buah pusat kesihatan ditempatkan di Kuala Belait, Seria, Sungai Liang dan Labi. Sementara Klinik Bergerak disediakan bagi penduduk Sungai Mau; dan Perkhidmatan Doktor Terbang pula disediakan bagi penduduk Mukim Sukang dan Mukim Melilas.

Pendidikan

Brunei Darussalam baru-baru ini telah melancarkan sistem pendidikan baru dikenali sebagai Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (National Education System for 21st Century) atau SPN21. Perlaksanaan SPN21 bertepatan dengan perubahan teknologi yang semakin cepat dan untuk memenuhi kehendak sosial dan

persaingan ekonomi di abad ke-21 dan melengkapkan para pelajar dengan kemahiran abad ke-21.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meletakkan pendidikan sebagai salah satu keutamaannya melalui Wawasan Negara 2035, yang berhasrat untuk mencapai rakyat berpendidikan, mempunyai kepakaran yang tinggi dan masyarakat yang berkemahiran. Maka, pendidikan kelas pertama diperlukan untuk memberi peluang kepada setiap warganegara dan penduduk bagi memenuhi keperluan persaingan ekonomi dan menggalakkan pembelajaran seumur hidup dan juga pencapaian terbaik di bidang sukan dan kesenian. Kejayaan ini akan diukur melalui piawaian tertinggi antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, pendidikan diberikan secara percuma kepada setiap warganegara dan langkah-langkah telah diambil agar setiap individu menerima pendidikan yang sempurna, ditambah lagi melalui penguatkuasaan *Compulsory Education Order 2007*.

Institusi pendidikan rendah, menengah dan pengajian tinggi dibina di seluruh negara dan lebih banyak institusi akademik akan dibina berikutan permintaan dan pertambahan penduduk.

Oleh itu, di Daerah Belait sahaja, terdapat lima buah sekolah menengah dan 16 buah sekolah rendah awam; dengan dua buah sekolah vokasional dan institusi pembelajaran teknikal. Daerah ini juga mempunyai sekolah

swasta yang dikendalikan secara persendirian antaranya dua buah taman asuhan kanak-kanak (tadika); tujuh buah sekolah menengah, rendah dan tadika; enam buah sekolah menengah dan prasekolah; sebuah sekolah komputer; sebuah sekolah muzik dan sebuah pusat kemahiran.

Rancangan Perumahan Negara

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan pelbagai skim semenjak awal 1950-an bagi melaksanakan dasarnya untuk menyediakan perumahan yang sempurna dan persekitaran yang selesa kepada semua warganegaranya, agar setiap warganegaranya memiliki rumah mereka sendiri.

Program penempatan semula bermula seawal 1951 apabila penduduk-penduduk Kampung Bendahara Lama dari Kampung Ayer dipindahkan ke Kawasan Penempatan Bunut, Mukim Kilanas di Daerah Brunei-Muara.

Satu kaji selidik seluruh negara telah dijalankan pada tahun 1970-an untuk mengenal pasti keperluan perumahan bagi orang ramai. Maka hasilnya, skim perumahan pertama diperkenalkan iaitu Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan yang menyediakan tapak kira-kira 810 hektar menyediakan 84 buah rumah di bawah Fasa Satu telah siap dan diberikan kepada pemohon-pemohon yang berjaya pada awal 1986.

Semenjak itu lebih banyak skim

perumahan diperkenalkan termasuk Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ), Tanah Lesen Tumpang Sementara (TOL) dan Skim Infill (IS).

Rancangan-rancangan perumahan seumpama itu juga turut dilaksanakan di Daerah Belait iaitu Kampung Pandan, Kampung Sungai Liang/Lumut dan Skim Perumahan Negara Kampung Lorong Tengah Seria. Sementara kerja-kerja pembinaan akan diteruskan sepanjang melalui Rancangan Kemajuan Negara 2007-2012 bagi Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Mumong.

Jalan Raya

Penduduk negara ini menikmati infrastruktur jalan raya yang selesa dan ini terbukti dengan laporan Indeks Persaingan Global 2008/2009 - Forum Ekonomi Dunia yang menyatakan kualiti jalan raya di Negara Brunei Darussalam berada di kedudukan ke-28 daripada 134 ekonomi utama terbaru; ke-7 di Asia dan ke-3 di Asia Tenggara.

Pihak kerajaan juga sentiasa memastikan kualiti infrastruktur jalan raya dalam keadaan yang baik dan ini dapat dilihat melalui Rancangan Kemajuan Negara 2007-2012, sebanyak \$600 juta telah diperuntukkan untuk perancangan dan pembangunan rangkaian jalan raya seluruh negara. Ini termasuk projek lebuh raya, penurapan, pemeliharaan dan pelapisan.

Pada tahun 2008, panjang jalan raya di negara ini ialah 2,972.11 kilometer termasuk 2,737.90 kilometer jalan raya negeri, 130.35

kilometer jalan raya daerah dan 103.76 jalan raya Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Melalui Rancangan Kemajuan Negara 2007-2012 lebih banyak projek akan dibuat bagi memperbaiki infrastruktur jalan raya termasuk di Daerah Belait meliputi kerja menaik taraf Jalan Tutong-Seria (Lumut) fasa 2 dan Jalan Sungai Mau/Merangking/Buau; meningkatkan keupayaan jalan raya dengan densiti tinggi di kawasan pendalaman; penggantian jambatan-jambatan kayu yang ada; pemulihan Jalan Sungai Liang -Labi; pembinaan lorong kedua Seria By-Pass; dan meluaskan jalan-jalan sepanjang Jalan Singa Menteri.

Pertanian

Di dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi, penekanan diberikan kepada sektor pertanian, salah satu sektor yang mempunyai potensi besar untuk diterokai bagi kepentingan ekonomi.

Terdapat pertumbuhan positif di sektor pertanian melalui keluaran kasar hasil pertanian pada 2008 menunjukkan ternakan menyumbang kepada \$131.6 juta, \$41.35 juta dari pertanian dan \$52.53 juta dari pemprosesan agri-makanan membawa kepada lebih dari \$200 juta pendapatan berbanding hanya \$113.02 juta pada 1999, iaitu kenaikan 99 peratus.

Sementara, wawasan bagi industri agri-makanan ialah untuk meningkatkan jumlah jualan kepada \$340 juta pada 2015, iaitu peningkatan sebanyak 512 peratus

berbanding 2008 dengan \$52.53 juta.

Tahun 2009 memperlihatkan peningkatan yang membanggakan dalam sektor penanaman padi. Dengan penuaan Beras Laila, usaha menuju kemampuan terhadap keselamatan makanan stabil melalui penghasilan beras menjadi lebih ketara. Ia mempunyai kebolehan untuk dituai dua kali setahun dan mempunyai tahap mikronutrien yang bersesuaian dengan kandungan kabohidrat dan fiber yang rendah serta berprotein tinggi.

Sebuah kawasan seluas 6,173.26 hektar telah diwartakan sebagai kawasan pembangunan pertanian di Daerah Belait iaitu:

- Rampayoh, Kawasan Pembangunan Pertanian Kampung Labi
- Kawasan Pembangunan Pertanian Merangking, Kawasan Pembangunan Pertanian Bukit Sawat
- Kawasan Pembangunan Pertanian Sungai Liang
- Kawasan Pembangunan Pertanian Tunggulian, Kampung Tunggulian
- Kawasan Pembangunan Pertanian Lot Sengkuang, Labi
- Kawasan Pembangunan Pertanian Malayan ‘A’
- Kawasan Pembangunan Pertanian Malayan ‘B’
- Kawasan Pembangunan Pertanian Labi Lama, Kampung Tarunan,

Labi

- Kawasan Pembangunan Pertanian Kampung Sungai Petai, Mukim Labi
- Kawasan Pembangunan Pertanian Kampung Mumong, Mukim Kuala Belait
- Kawasan Pembangunan Pertanian Kampung Kenapol
- Kawasan Pembangunan Pertanian Kampung Singap
- Kawasan Pembangunan Pertanian Kampung Buau
- Kawasan Pembangunan Pertanian Kampung Tanjung Sudai
- Kawasan Pembangunan Pertanian Labi Baru (Lot Mobil)
- Kawasan Pembangunan Pertanian Buau*
- Kawasan Pembangunan Pertanian Kandol*

(*) Kawasan baru bagi penanaman padi masih dalam proses pewartaan

Daerah Belait juga dikenali sebagai pengeluari padi terbesar negara. Pada tahun 2009 sahaja, Daerah Belait telah menuai 281.5 hektar ladang padi terdiri dari 294 peladang. Penghasilan beras adalah 354.25 tan metrik.

Daerah Belait juga mempunyai banyak ladang padi kerana daerah ini merupakan antara daerah penghasilan padi terbesar untuk negara. Pelbagai jenis padi ditanam antaranya dikenali dengan Beras Laila, Beras Pusu dan

Acknowledgements/Penghargaan

Warmest thank you to the editorial team for making it possible, and a special thank you to the Photography & Audio Visual Division, Sastra Sarini Haji Julaini, Haji Ariffin Mohd Noor, Md. Rosli bin Abdullah and Ak Abu Bakaruddin Shah Dinny Pg. Haji Kamaruddin as without their colourful and significant pictures, it would have been impossible to publish this book.




Special thank you also goes to Muhd. Khairulhadi bin Haji Md. Muhtaddir, Head of Information's Belait District Branch for your support and cooperation and to Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad for guiding us during our trip to Belait District.

.....

Ribuan terima kasih kepada para sidang redaksi yang telah sama-sama bekerjasama dalam menerbitkan buku ini; juga ucapan terima kasih khusus untuk Bahagian Fotografi & Audio Visual serta penyumbang-penyumbang gambar persendirian, Sastra Sarini Haji Julaini, Haji Ariffin Mohd Noor, Md. Rosli bin Abdullah dan Ak. Abu Bakaruddin Shah Dinny bin Pg. Haji Kamaruddin, tanpa gambar-gambar mereka yang berwarna-warni dan penuh makna, adalah mustahil untuk menerbitkan buku ini.

Ucapan terima kasih khusus ditujukan kepada Muhd. Khairulhadi bin Haji Md. Muhtaddir, Ketua Penerangan Cawangan Daerah Belait atas kerjasama dan sokongan beliau dan kepada Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad yang telah berkesudian meluangkan masa dan tenaga membantu melancarkan perjalanan sepanjang penggambaran di Daerah Belait.





Published by English News Division
Information Department, Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

Diterbitkan oleh Bahagian Berita Inggeris
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam